

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

**Kota Bharu:** Semua 21 Pusat Kuaran dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di negeri ini mulai ditutup bermula Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, buat masa kini hanya tiga PKRC yang dibuka di hospital sebagai persediaan untuk menerima kes berhubung Covid-19.

"Yang masih dibuka membabitkan Hospital Pasir Mas, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu dan Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh.

"Bagaianapun setakat ini tiada pesakit di tiga PKRC itu dan ia adalah sebagai persediaan," katanya pada

sidang media, semalam. Beliau berkata demikian ketika meraikan 50 petugas barisan hadapan yang terbabit sepanjang pandemik Covid-19 sejak lebih dua tahun pada majlis makan malam di sebuah restoran.

Daripada segi bilangan kes harian Covid-19, Dr Zaini

berkata, sejak sebulan lalu, hanya dua digit dicatatkan. Berkaitan perkembangan penyakit tangan, kaki dan mulut (HDM) di Kelantan, Dr Zaini berkata, sehingga kini, ia sudah mencatatkan 5,500 kes dengan trend jangkitan yang mendatar.

"Buat masa kini, daripada

20 Taska yang diarahkan tutup selama 10 hari berikutnya penyakit itu, lima masih ditutup. Ia membabitkan lokasi di sekitar Kota Bharu serta Tanah Merah.

"Penutupan premis itu bergantung kepada penilaian pegawai kesihatan daerah," katanya.



Yang masih dibuka membabitkan Hospital Pasir Mas, Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu dan Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh"

Dr Zaini

## 21 PKRC di Kelantan ditutup

AKHBAR : METRO AHAD  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

# KKM digesa siasat punca gangguan bekalan ubat

**Stok tidak stabil cetus kebimbangan pengusaha farmasi, pengguna**

Oleh Latifah Arifin dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu mengenal pasti punca sebenar gangguan bekalan beberapa jenis ubat-ubatan di negara ini memandangkan stok di farmasi komuniti seluruh negara masih terjejas.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata bekalan stok tidak stabil ketika ini bukan hanya meruncingkan pengusaha farmasi, malah turut memberi impak besar kepada orang awam.

"Sehingga kini, kita masih tidak tahu apa punca sebenar kekurangan bekalan. Adakah disebabkan masalah global seperti perang Ukraine-Russia atau per-

tukaran ringgit Malaysia, maupun disebabkan permintaan terlalu tinggi dengan penularan wabak seperti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) serta denggi.

"Justeru, kami menyambut baik tindakan kerajaan berjumput syarikat dalam industri farmaseutikal untuk mengetahui apa masalah dihadapi kerana di pihak farmasi komuniti, stok ubat memang tidak stabil," katanya kepada BH.

KKM meminta pihak pekilang meningkatkan kapasiti pengeluaran beberapa jenis ubat tersebut untuk kegunaan kanak-kanak bagi memenuhi per-

mintaan tinggi di pasaran.

Ia berikutnya beberapa jenis ubat-ubatan dikesan mengalami kekurangan di pasaran termasuk di klinik swasta.

Antara didakwa mengalami kekurangan adalah ubat batuk, demam dan antibiotik yang disifatkan penting untuk rawatan harian pesakit, selain ubat untuk merawat penyakit HFMD disebabkan peningkatan kes itu di seluruh negara.

Amrahi berkata, masalah kekurangan bekalan ubat perlu diselesaikan segera untuk mengelak krisis lebih buruk, memandangkan terdapat ubat tertentu kini langsung tidak boleh dibeli

**Kami menyambut baik tindakan kerajaan berjumput syarikat dalam industri farmaseutikal untuk mengetahui apa masalah dihadapi kerana di pihak farmasi komuniti, stok ubat memang tidak stabil**

*Amrahi Buang,  
Presiden Persatuan Farmasi Malaysia*

dari farmasi.

"Perkara ini (bekalan terhad) sudah berlaku di peringkat farmasi komuniti di bandar, jadi fizirlik apa akan berlaku di luar bandar...ini isu yang menjadi ketutamaan kami," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh mengakui hospital swasta turut berdepan kemelut sama, namun tidak membabitkan semua jenis ubat-ubatan dengan stok mencukupi bagi rawatan penyakit khususnya yang kritikal ketika ini.

"Pandemik COVID-19 dan penularan HFMD menyebabkan berlaku sedikit gangguan ubat-ubatan seperti seseleman dan batuk, serta barangkali ubat demam."

"Kebanyakan hospital swasta sudah beralih kepada kaedah alternatif seperti menggunakan ubat generik dan jenama biasa mengikut preskripsi bagi memastikan kekurangan ini dapat diuruskan sebaiknya," kata-

Dalam pada itu, beliau berkata pembaziran ubat juga harus dikurangkan dengan mempertimbangkan semula kuantiti dan tempoh preskripsi apabila pesakit ditinjau semula.

"Gunakan alternatif atau ubat ganti sekiranya ada, ahli farmasi juga mesti cekap dalam pengurusan stok bekalan selain memastikan pematuhan pesakit di pertengkaran," katanya.

## 1,174 premis tabika, taska ditutup akibat HFMD

**Kuala Lumpur:** Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) menyebabkan 1,174 premis tabika dan taska di seluruh negara ditutup sepanjang tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Selain 81 peratus atau 946 premis diarah tutup bagi tujuan kawalan dan pencegahan wabak mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 (Akta 342), baki 19 peratus atau membabitkan 288 premis ditutup pemilik secara sukarela bagi mengelak risiko jangkitan HFMD.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, mengesahkan perkara itu dengan 715 premis atau 61 peratus daripada keseluruhan taska dan tabika yang ditutup itu dibenarkan untuk dibuka semula selepas periksaaan dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi membasmi kuman dan langkah kawan-luan untuk membendung penularan penyakit itu.

"Selepas kerja sanitasi dibuat dan sebagaimana, maka mereka (premis yang ditutup) dibenarkan untuk dibuka," katanya kepada BH, semalam.

Mengikut data, Kuala Lumpur merekodkan penutupan premis paling tinggi dengan 301 taska dan tabika, diikuti Selangor (275), Perak (176), Johor (65), Kedah (54), Negeri Sembilan (46), Perlis (42), Sabah (40), Melaka (36), Pahang (34) dan Pulau Pinang (31).

Selain itu, 29 premis ditutup di Kelantan, 28 di Terengganu dan 19 premis di Labuan, manakala Sarawak tiada rekod premis tabika atau taska ditutup disebabkan HFMD.

Memandangkan kes HFMD masih tinggi melebihi para 30,000 kes di negara ini, Dr Noor Azmi mengingatkan pemilik premis terutama pengusaha tabika dan taska supaya mengutamakan kebersihan diri serta persekitaran premis.

Beliau menyarankan pengusaha tabika dan taska untuk melakukan saringan sebelum memasuki kawasan premis sebagai langkah pencegahan awal untuk mengesan gejala HFMD.

Selain itu, katanya ibu juga dinasihat bersama-sama memainkan peranan dalam membendung, sekali gus membantera premis.

Penularan HFMD supaya tidak dijangkiti, sekali gus menjadi pembausa sehingga menjangkiti orang lain.

"Sekali lagi saya mahu ingatkan terutamanya pengusaha taska, tabika dan prasekolah termasuk guru serta ibu bapa untuk menjaga dan jalankan sanitasi diri sendiri. Cuci tangan sebelum dan selepas kendalian anak-anak.

"Pihak tabika dan taska juga keenam buat saringan di pintu masuk. Kalau ada tanda (gejala HFMD) jangan bagi masuk dan pengusaha mestinya buat laporan kepada PKD secepat mungkin untuk notifikasi," katanya.

HFMD adalah penyakit disebabkan Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan oleh virus Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

Penyakit itu merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (*blisters*) dan najis pesakit. Ia cepat menular dalam kalangan kanak-kanak termasuk menjangkiti semua golongan umur, tetapi kanak-kanak bawah umur enam tahun adalah lebih berisiko.

**Pekilang tingkatkan pengeluaran beberapa jenis ubat**

**Laporan BH semalam.**